

Padankan Cara Kemahiran Asertif Berdasarkan Situasi-Situasi Di Bawah.

SITUASI	CARA KEMAHIRAN ASERTIF
1. Guru kelas dan murid Tahun 6 Asy-Shafie bersetuju dengan cadangan Irsyad yang merupakan ketua kelas untuk mewujudkan sudut bacaan di dalam kelas. Murid dapat mengisi masa dengan aktiviti membaca ketika ketiadaan guru di dalam kelas.	Pandai meluahkan perasaan dan kepentingan diri
2. Ah Kong kurang bersetuju dengan pendapat Maniam untuk mencampurkan pemain lelaki dan perempuan semasa bermain bola tampar. Dia memberikan cadangan supaya mengasingkan pemain lelaki dan perempuan demi menjaga batas pergaulan mereka.	Menghormati idea, keperluan dan perasaan orang lain.
3. Ain mengucapkan terima kasih kepada Haikal yang merupakan sahabat baiknya. Ain juga menyatakan bahawa dia amat menyenangi sikap Haikal yang baik hati dan suka membantunya dalam pelajaran.	Memastikan diri tidak dipergunakan oleh orang lain
4. Alex merasakan dirinya sering dipergunakan oleh beberapa orang kakitangan di syarikat itu demi kepentingan mereka. Justeru itu, dia telah berjumpa dengan majikan untuk melaporkan perkara itu dan menyelesaikannya secara baik demi kepentingan bersama.	Menyatakan pendapat secara terbuka dan berterus terang.
5. Ketua Pengawas telah meluahkan perasaan tidak puas hatinya terhadap sikap Soon Beng yang sering membuli murid lain. Dia menasihati Soon Beng agar tidak mengulangi perbuatan tersebut. Jika tidak, dia akan mengambil tindakan disiplin terhadap Soon Beng.	Menyuarakan perasaan tanpa bertindak agresif terhadap prang lain.